

Meningkatkan Kepatuhan Pengendalian Kanak-Kanak Kurang Zat Makanan (KZM) Dalam Program Pemakanan Di Bawah Pejabat Kesihatan Kawasan Keningau



Eric H¹, Nur Ain A², Subida K³, Alvez M⁴, Loo CTW⁵, Maslia N⁶, Tsen AOW¹, Ariannie C⁶, Maria BS³, Ruhaya AR⁷, Evenie S⁸, Hastria MS⁹

¹ Klinik Kesihatan Sook, Keningau

² Pejabat Kesihatan Kawasan Keningau

³ Klinik Kesihatan Nabawan

⁴ Klinik Kesihatan Ibu dan Anak Keningau

⁵ Klinik Kesihatan Ibu dan Anak Tambunan

⁶ Klinik Kesihatan Ibu dan Anak Tenom

⁷ Klinik Kesihatan Bingkor, Keningau

⁸ Klinik Kesihatan Kemabong, Tenom

⁹ Klinik Kesihatan Pagalungan, Nabawan

PEMILIHAN PELUANG UNTUK PENAMBAHBAIKAN

Rumusan penyeliaan pengendalian kanak-kanak KZM pada tahun 2022 di fasiliti kesihatan jagaan Pejabat Kesihatan Kawasan (PKK) Keningau mendapati peratus kepatuhan adalah rendah, iaitu 0.6%. Tujuan kajian ini ialah untuk kenalpasti faktor-faktor yang berkaitan dengan ketidakpatuhan supaya tindakan penambahbaikan boleh diambil.

PENGUKURAN UTAMA PENAMBAHBAIKAN

Senarai Semak, Modul Latihan dan Modul of Good Care (MOGC) bagi Pengendalian Kanak-Kanak KZM ditambahbaik mengikut kesesuaian. Anggota kesihatan yang terlibat dalam penjagaan kanak-kanak dilatih dengan modul yang ditambahbaik. Peratus liputan latihan anggota kesihatan disasarkan pada ≥ 95% manakala peratus kepatuhan pengendalian kanak-kanak KZM disasarkan ada peningkatan dari 0.6% .

Modul Latihan Pengendalian Kanak-kanak KZM

Topik 1: Aspek pengurusan klinikal oleh Pegawai Perubatan

Topik 2: Aspek pengendalian oleh Unit Kejururawatan

Topik 3: Pengendalian pemakanan dan bantuan untuk KZM

Topik 4: Penggunaan Senarai Semak KZM

Topik 5: Pemakanan Bayi dan Kanak-kanak

Pre & Post test

Rajah 1: Modul Latihan Pengendalian Kanak-kanak KZM yang ditambahbaik

SENARAI SEMAK PENGENDALIAN KES KANAK-KANAK KURANG ZAT MAKANAN (KZM) YANG TIDAK LAYAK DAN LAYAK MENERIMA BANTUAN PROGRAM PEMULIHAN KANAK-KANAK KEKURANGAN ZAT MAKANAN (PPKZM)								
Nama : _____ RN : _____ Alamat : _____ Tarikh Pertama Kali Dikesan KZM : _____ Klinik : _____ Kod Res (Penerima Bantuan) : _____ Juruswat PC : _____ Masalah Kesihatan : CP / CHD / MIBMS / KWSR Kategori Diagnosis KZM : KIBT / KBBS / BMI-SUSUT@KURUS / BANTUT-7 / BANTUT-5 / Lain-Lain (Nyatakan) : _____ Bulan & Tahun Penilaian KPI : _____ Berat Badan Meningkat : YA / TIDAK Kelayakan Bantuan : TIDAK LAYAK / PPKZM Berhenti Atas Sebab : PULUH (Bantuan Yang Berhenti) Pakaj Bantuan : A / B / C / Lain-Lain : _____ Tarikh Berhenti Bantuan : Lain-Lain (Nyatakan) : _____ Tarikh Mula Bantuan : _____ Tarikh Berhenti Bantuan : _____ Bulan Dilapor Baru (PPKZMR-201) : _____ Bulan Dilapor Pulih / Berhenti (PPKZMR-201) : _____								
LENEH USUAN FBC : _____ MCV : _____ MCH : _____ WBC : _____ PLT : _____ Tarikh : _____ UFERME : _____ PRO : _____ URO : _____ ERY : _____ LEU : _____ Tarikh : _____ Stool Ova & Cyst : _____ Saringan Tisi (Chest X-Ray / AFR / Mantoux Test) : _____ Tarikh : _____								
KEKURANGAN (/) PERKARA : _____ KZM Tidak Layak : _____ PPKZM : _____ KZM Tidak Layak : _____ PPKZM : _____ KZM Tidak Layak : _____ PPKZM : _____								
1. Graf Pertumbuhan	Dititik Tepat & Komision	TB		TB		TB		TB
2. Interpretasi Status Pemakanan	Tepat & Diambil							
3. Format Penyediaan Penyedia KZM	IPP KZM Dibuat Mengikut Urut							
4. Rujukan Pegawai Perubatan	Ditunjuk & Hadir							
5. Ujian Makmal	Lengkap & Direkod							
6. Rujukan Pegawai Sains Pemakanan	Ditunjuk & Hadir							
7. Tagging Merah KZM/PPKZM	Jika Dilakukan							
8. Demo Memasak	Ditunjuk & Hadir							
9. PPKZMR (01) (1, 2)	Semua Maklumat Diambil							
10. Saringan Terma Bantuan (1, 2)	Barang Otis Lengkap							
11. Penghasilan Pengedaran Otis (1, 3)	Barang Otis Lengkap							
12. Penghasilan Pengedaran Otis (4)	Otis Lengkap / Salinan (gaj)							
13. Lewatan Penyediaan (1, 5)	Dilaksanakan & Direkod							
14. Lewatan ke Rumah (1, 6)	Dilaksanakan & Direkod							
15. Pakaj Bantuan	Diberikan & Direkod - PPKZMR-201							
16. Pelaporan Kes Baru	Dilaporkan Dalam Reten PPKZMR (Kes Baru)	TB		TB		TB		TB
17. e-Registri PPKZM	Semua Maklumat Diambil							
18. Berhenti / Tutup Kes	Maklumat & Penghasilan Pulih Lengkap / Maklumat Berhenti Bantuan Lengkap / Maklumat Tutup Kes Lengkap							
19. Pelaporan Kes Pulih / Berhenti / Tutup Kes	Dilaporkan Dalam Reten PPKZMR (Kes Pulih / Berhenti & Tutup Kes)							
DISEMAK OLEH : _____ TARIKH : _____								

Rajah 2: Senarai Semak Pengendalian Kanak-kanak KZM

ANALISIS DAN INTERPRETASI


Analisis sampel pra intervensi mendapati cuma 0.6% (1 kad) mematuhi semua aspek pengendalian kanak-kanak KZM.

STRATEGI PENAMBAHBAIKAN

Latihan Modul secara fizikal dan maya berserta penggunaan dokumentasi yang diseragamkan kepada Pegawai Perubatan, Pegawai Pemakanan dan Unit Kejururawatan di seluruh PKK Keningau.

KESAN PENAMBAHBAIKAN

Hasil dari strategi penambahbaikan, peratus kepatuhan pengendalian kanak-kanak KZM di PKK Keningau meningkat dari 0.6% (1 kad) kepada 27.1% (35 kad). Liputan latihan anggota kesihatan mencapai 85.2%. Ketersediaan Modul secara maya meningkatkan liputan anggota dilatih dan menjimatkan kos. Ia meningkatkan pengetahuan dan kemahiran anggota kesihatan justeru meningkatkan kepatuhan pengendalian kes kanak-kanak KZM secara berkesan. Pengendalian kanak-kanak KZM memerlukan pendekatan yang holistik dan komitmen daripada semua anggota kesihatan.



Rajah 3: Peratus kepatuhan pengendalian kanak-kanak KZM peringkat Kawasan Keningau Pra dan Pasca Intervensi Latihan Pengendalian Kanak-kanak KZM menggunakan Modul yang ditambahbaik

LANGKAH SETERUSNYA

Latihan dan penyeliaan berkala bagi menilai kepatuhan pengendalian kanak-kanak KZM adalah diperlukan. Strategi penambahbaikan dicadangkan untuk diaplikasikan dalam pelan strategik tindakan negeri Sabah.

RUJUKAN

1. BPKKM. Prosedur Operasi Standard Pengendalian Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan. Bahagian Pemakanan, Kementerian Kesihatan Malaysia.
2. BPKK (2016). Manual Perkhidmatan Kesihatan Ibu & Anak bagi anggota Kejururawatan di Perkhidmatan Kesihatan Awam. Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, Kementerian Kesihatan Malaysia.
3. BPKK (2019). Panduan Pencegahan & Pengendalian Kes Berisiko Malnutrisi Dalam Kalangan Kanak-kanak Bawah 5 Tahun. Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, Kementerian Kesihatan Malaysia.

PROSES PENGUMPULAN MAKLUMAT

Kaedah persampelan mudah digunakan dengan mengambil kad kesihatan kanak-kanak yang dilapor KZM pada bulan sentinel 2022 (pra intervensi-180 kad) dan 2023 (pasca intervensi-129 kad) dari daerah jagaan PKK Keningau, iaitu Keningau, Tambunan, Tenom dan Nabawan. Peratus liputan latihan anggota kesihatan dikumpul menggunakan Borang Liputan Latihan. Manakala peratus kepatuhan pengendalian kanak-kanak KZM dinilai menggunakan Borang Pengumpulan Data mengikut Senarai Semak KZM.